

→ PENDIDIKAN



[FOTO HAFIZ SOHAIMI/BH]

Dr Mohd Ekhwan (kiri) menunjukkan modul dalam talian MOOC Sukan SEA 2017.

Info

Modul MOOC Latihan Sukarelawan Sukan SEA 2017

- **Modul 1:** Kenegaraan, Patriotisme dan Isu semasa
- **Modul 2:** Latar Belakang ASEAN dan Sukan
- **Modul 3:** Motivasi Sebagai Sukarelawan Berkesan
- **Modul 4:** Komunikasi Merentas Budaya dan Kemahiran Komunikasi Berkesan.
- **Modul 5:** Komunikasi dalam Situasi Mencabar.
- **Modul 6:** Pembentukan Imej Profesional dan Protokol
- **Modul 7:** Tindak Balas dalam Situasi Kecemasan

KURSUS LATIH SUKARELAWAN SUKAN SEA 2017

MOOC mampu tingkat semangat, jati diri

→ UKM latih 13,000 sukarelawan guna modul disediakan pakar

Oleh Basir Zahrom
basir_zahrom@bh.com.my

► Bangi

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menggunakan Kursus Dalam Talian Terbuka Secara Besar-besaran (MOOC) bagi melatih 13,000 sukarelawan Sukan SEA 2017 dan memberi pendedahan aspek penganjuran sukan serantau itu.

Ketua Projek Modul Latihan Sukarelawan Sukan SEA 2017, Prof Dr Mohd Ekhwan Toriman, berkata 500 sukarelawan bagi kumpulan pertama mengikuti latihan berkenaan yang dibahagikan kepada tujuh modul keseluruhannya.

Beliau yang juga Dekan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) UKM, berkata sukarelawan yang berdaftar secara dalam talian dengan Kementerian Belia dan Sukan itu menjalani latihan berdasarkan modul yang disediakan pakar dari FSSK UKM.

"Selama dua hari latihan, 500 peserta terdiri daripada pelbagai latar belakang berumur 16 hingga 61 tahun diberi pendedahan mengenai perkara yang perlu dilakukan bagi melicinkan penganjuran Sukan SEA 2017.

"Saya kagum apabila mengetahui selain pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) yang selalu terdedah dengan aktiviti kesukarelawan ada juga suri rumah,

pesara dan ketua pegawai eksekutif mendaftar sebagai sukarelawan Sukan SEA 2017.

"Diharap dengan modul yang digunakan itu akan dapat menaikkan semangat serta jati diri sukarelawan bagi menaikkan imej Malaysia sebagai hab sukan di rantau ini," katanya pada sidang media di UKM, baru-baru ini.

Tenaga pengajar

Yang turut hadir ialah Pengarah Pusat Komunikasi Korporat UKM, Prof Datin Dr Norizan Abdul Razak dan Timbalan Pengarah Pusat Hubungan Antarabangsa UKM, Dr Abdul Latiff Ahmad yang turut menjadi tenaga pengajar untuk program latihan itu.

Norizan yang menjadi Pengajar Modul 6 berkata, lebih 12,500 sukarelawan program itu akan dilatih dalam satu kumpulan 800 orang untuk tempoh bermula 14 Januari hingga 28 Februari depan.

Katanya, 50 fasilitator terdiri daripada pelajar dan kakitangan UKM juga akan memudahkan segala urusan penginapan di dua kolej kediaman di universiti itu serta membantu ketika penyampaian modul dijalankan.

"Selepas tamat latihan juga peserta akan terus berhubung dengan kami di laman sosial yang diwujudkan selain boleh mengakses modul MOOC yang mereka jalani sebagai persediaan menjadi sukarelawan," katanya.